

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, October 23, 2019 9:25 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Perjuangan Tidak Berakhir Dengan Segulung Ijazah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 OKTOBER 2019 / 24 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

PERJUANGAN TIDAK BERAKHIR DENGAN SEGULUNG IJAZAH



UUM ONLINE: Perjuangan sebenarnya tidak berakhir dengan segulung ijazah sahaja kerana di luar sana menanti seribu macam lagi ujian dan cubaan untuk menempuh perjalanan hidup graduan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) perlu menjadi seorang manusia yang sempurna, cantik jiwa raga serta menyumbang kepada masyarakat, di samping mampu menjawat jawatan tinggi di pelbagai institusi.

Menurutnya, kejayaan untuk menggenggam segulung ijazah bukanlah mampu dicapai oleh semua orang dan hanya mereka yang berusaha gigih tanpa mengenal penat lelah menuntut ilmu di dewan kuliah, perpustakaan, bersenggang mata, mengorbankan kegembiraan dan menguruskan tekanan sahaja mampu mengharungi perjalanan menuntut ilmu yang penuh dengan cabaran.

“Alhamdulillah, telah sempurnalah perjuangan di UUM ini dengan bersaksikan kehadiran ibu bapa, saudara mara, para pensyarah dan rakan taulan untuk sama-sama meraikan kejayaan, hari ini merupakan hari yang bersejarah dalam hidup anda kerana sudah bergelar graduan.

“Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang. Alhamdulillah, usaha gigih dan peluh keringat anda berjuang menimba ilmu di universiti ini telah membuahkan hasil yang diimpikan buat sekian lama,” katanya pada sesi keenam Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM di Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Tambah beliau, universiti bukan sahaja meraikan kejayaan graduan malah turut meraikan kegembiraan ibu bapa dan tenaga pengajar yang telah bertungkus-lumus bersama menyokong perjuangan para graduan menuntut ilmu.

“Selepas ini, anda akan bebas untuk memilih bidang kerjaya yang akan diceburi dan terus menabur bakti.

“Saya doakan semua graduan berjaya dalam bidang yang diceburi, selain tidak melupakan alma mater iaitu UUM untuk terus menghulurkan sumbangan demi pembangunan kampus yang pernah menjadi tempat graduan menuntut ilmu.

“Dengan penuh rasa kasih sayang dan iringan doa kami lepaskan anda pulang ke pangkuan ayah bonda, sanak saudara serta kampung halaman dengan harapan ilmu yang anda perolehi di sini akan terus dimanfaatkan untuk kebaikan kemanusiaan sejagat,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.